



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	2/6/2021	MUKA SURAT	:	25
JABATAN	:	PERHILITAN			



Gambar fail Ogos 2019, panda gergasi Liang Liang (kanan) bersama anak keduanya Yi Yi di Zoo Negara. (Foto Hafiz Sobaimi/BH)

Panda gergasi lahir anak ketiga

Kuala Lumpur: Panda gergasi, Liang Liang, melahirkan anak ketiganya di Pusat Konservasi Panda Gergasi Zoo Negara, di sini, malam kelmarin.

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia, dalam kenyataan berkata, kelahiran anak panda kira-kira jam 8.30 malam itu adalah yang ketiga buat Liang Liang dan pasangannya, Xing Xing sejak berada di Malaysia pada 2014.

“Pada masa ini jantina anak panda ini belum dapat dikenal pasti kerana ia masih di bawah jagaan rapi ibunya dan tidak dapat didekati.

“Bagaimanapun, petugas Zoo Negara akan terus memantau Liang Liang dan anaknya bagi tempoh 24 jam,” katanya dalam kenyataan itu.

Liang Liang yang akan berusia 15 tahun Ogos ini, melahirkan anak pertama, Nuan Nuan dan anak kedua, Yi Yi masing-masing pada 18 Ogos 2015 dan 14 Januari 2018.

PERHILITAN menyifatkan, kelahiran anak ketiga pasangan panda gergasi itu, sebagai kejayaan usaha konservasi di bawah Program Kerjasama Antarabangsa Konservasi Panda Gergasi antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat China yang dimeterai pada 2012.